



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## KENYATAAN MEDIA

### KRITERIA KELAYAKAN PROGRAM I-SURI FASA 1 TAHUN 2020

Program Caruman Sukarela Insentif Suri atau i-Suri telah dilancarkan oleh YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada 8 Ogos 2018 semasa *International Social Security Conference (ISSC) 2018* anjuran Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Berdasarkan statistik pelaksanaan program ini yang bermula pada 15 Ogos 2018, jumlah ahli yang berdaftar sehingga 15 Disember 2019 adalah seramai 140,398 orang di mana 120,010 orang (85.48%) daripadanya telah mencarum di bawah program ini. Kumpulan sasar yang memenuhi kriteria kelayakan akan diberikan insentif bagi setiap caruman sukarela berjumlah minimum RM5 sebulan ke akaun KWSP, Kerajaan akan memberikan insentif sebanyak RM40 sebulan. Sehubungan dengan itu, ahli yang telah mencarum telah berjaya menerima manfaat insentif Kerajaan yang melibatkan keseluruhan peruntukan sebanyak RM7.93 juta (RM7,931,305.26). Tempoh bayaran insentif ini adalah bagi Januari hingga Jun 2019.

Bagi pelaksanaan fasa pertama pada tahun 2019, kumpulan sasar yang mendapat manfaat di bawah skim ini merupakan suri rumah kepada Ketua Isi Rumah (KIR), KIR dalam kalangan ibu tunggal, balu dan wanita belum berkahwin (bujang) yang berdaftar dalam Sistem eKasih kendalian Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) sehingga 30 November 2018.

Dalam usaha memastikan program ini terus mewujudkan jaringan keselamatan sosial seterusnya memperkasa hak wanita dan mengiktiraf kepentingan peranan kaum hawa, Kerajaan telah memperhalusi kriteria kelayakan program i-Suri fasa pertama bagi pelaksanaan tahun 2020 di mana kriteria kelayakan yang ditetapkan ialah:

- i. isteri kepada Ketua Isi Rumah (KIR);
- ii. KIR Wanita dalam kalangan ibu tunggal, balu atau wanita belum berkahwin;
- iii. berumur 18 hingga 59 tahun pada tahun 2019;
- iv. warganegara Malaysia sahaja;

- v. berdaftar dan telah disahkan status dalam Sistem eKasih kendalian Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) sehingga 30 November 2019;
- vi. berstatus Miskin Tegar/Miskin dalam eKasih; dan
- vii. tidak mengira status pekerjaan di mana untuk yang bekerja di sektor formal, mereka masih perlu mencarum di bawah Skim i-Suri (insentif Kerajaan diberikan untuk bahagian yang dicarum sendiri, tidak termasuk caruman daripada potongan gaji dan caruman majikan)

Program i-Suri ini juga sentiasa ditambah baik dari semasa ke semasa berdasarkan input dan maklumat yang diterima daripada semua pihak. Bagi pelaksanaan tahun 2020, kaedah caruman ke dalam akaun KWSP dipermudahkan di mana mulai Januari 2020, caruman juga boleh dibuat secara tunai/kad debit Bank Simpanan Nasional (BSN) melalui mana-mana ejen BSN di seluruh negara. Kerajaan juga memanjangkan manfaat i-Suri melalui perlindungan keselamatan sosial di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dengan peruntukan sebanyak RM20 juta disediakan kepada PERKESO bagi tujuan ini.

Usaha membuat tabungan dan simpanan KWSP untuk suri rumah melalui skim insentif ini adalah sebagai salah satu langkah Kerajaan untuk mewujudkan jaringan keselamatan sosial. Kerajaan berharap kumpulan sasar yang berkelayakan akan mengambil peluang ini untuk meningkatkan kesejahteraan kehidupan mereka untuk hari tua. Ini selaras dengan matlamat jangka panjang bagi pelaksanaan program caruman KWSP kepada suri rumah iaitu menyediakan jaringan keselamatan sosial yang komprehensif kepada semua rakyat Malaysia.

###

**Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik**  
**Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**  
**22 Januari 2020**